



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (27 JULAI 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **650** kes.

Dimaklumkan juga **tiada kes** baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **563** orang atau **86.62%**.

Seramai **68 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian **19 orang atau 2.92%**.

Hari ini sebanyak **11 PUI** baru dilaporkan dan **2 kes** masih menunggu ujian makmal.

A. **Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini **tiada** penambahan kes dikesan atau dilaporkan untuk kluster-kluster yang masih aktif.

Setakat hari ini, terdapat **sembilan (9)** kluster yang masih aktif iaitu

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraaan: **kekal empat (4) kes**
- b) Kluster Mambong: **kekal lima (5) kes**
- c) Kluster Pusat Perubatan: **kekal tiga (3) kes**
- d) Kluster Jupiter: **kekal tiga (3) kes**
- e) Kluster Pasar Stutong: **kekal tujuh (7) kes**
- f) Kluster Jeti Kuching: **kekal dua (2) kes**
- g) Kluster Sentosa: **kekal 21 kes**
- h) Kluster PUI Melbourne: **kekal dua (2) kes**
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: **kekal dua (2) kes**

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat pada hari ini dan telah mengambilkira beberapa kemungkinan yang berlaku berdasarkan maklumat kes-kes yang telah dilaporkan.

Jumlah kes aktif yang dilaporkan di Sarawak masih tinggi iaitu sebanyak **70 kes**. Daripada jumlah tersebut, Daerah Kuching merekodkan sebanyak 52 kes dimana 38 kes adalah jangkitan tempatan dan 14 kes adalah kes import. Manakala di Daerah Samarahan pula, kes jangkitan tempatan sebanyak 11 dan kes import sebanyak 2. Daerah Bintulu mencatat 3 kes import, Bau satu (1) kes jangkitan tempatan dan Lundu satu (1) kes import.

Berikut daripada maklumat yang telah dilaporkan, maka JPBN telah membuat keputusan seperti berikut:

A. KEMASUKAN KE SARAWAK

- i. Semua warganegara Malaysia (termasuk rakyat Sarawak) yang balik dari Semenanjung, Sabah dan Labuan akan dikuarantin di Pusat Kuarantin yang telah disediakan oleh Kerajaan. Sampel ujian COVID-19 akan diambil pada hari ke-2 dan sekiranya keputusan ujuan adalah negatif, mereka dibenarkan balik ke rumah tanpa perlu menyambung baki kuarantin. Semua kos kuarantin dan ujian sampel akan ditanggung oleh Kerajaan Sarawak untuk semua rakyat Sarawak (termasuk Penjawat Awam Persekutuan yang bertugas di Sarawak).

Bagi mereka yang tidak tergolong seperti dinyatakan diatas, mereka perlu menanggung sendiri kos kuarantin dan ujian sampel COVID-19. **Arahan ini berkuatkuasa pada 1 hingga 14 Ogos 2020.**

- ii. Manakala, warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang balik dari luar negara, arahan yang telah dikeluarkan sebelum ini masih lagi berkuatkuasa.

B. PENGURANGAN JUMLAH PENERBANGAN KE SARAWAK

Semua penerbangan komersial dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan, begitu juga sebaliknya akan dikurangkan. Kementerian Pengangkutan Sarawak akan berhubung dengan syarikat penerbangan mengenai Jadual pengurangan jumlah penerbangan. **Arahan ini berkuatkuasa pada 1 hingga 14 Ogos 2020.**

C. KAWALAN PERGERAKAN ANTARA BAHAGIAN

Bahagian-bahagian di Sarawak dibahagikan kepada **dua (2)** zon iaitu **Zon 1** meliputi Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian. Manakala bagi **Zon 2** meliputi Bahagian Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang. Oleh itu, pergerakkan dari Zon 1 ke Zon 2 dan sebaliknya hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pihak Polis terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan. Walau bagaimanapun, pergerakkan di dalam zon adalah dibenarkan.

Pengecualian pergerakan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan Tugas Rasmi
- ii. Pekerja Perkhidmatan Penting (*Essential Services*)
- iii. Kematian Ahli Keluarga Terdekat
- iv. Ahli Keluarga Sakit Tenat
- v. Keperluan Pemeriksaan Kesihatan

Arahan ini berkuatkuasa pada 1 hingga 14 Ogos 2020.

D. PENGURANGAN TEMPOH MASA OPERASI PERNIAGAAN

Semua tempoh masa operasi perniagaan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian akan dihadkan bermula dari pukul 6.00 pagi hingga 10.00 malam.

Arahan ini berkuatkuasa pada 1 hingga 14 Ogos 2020.

E. PELUASAN PENANGGUHAN PEMBUKAAN POLITEKNIK DAN SEMUA KOLEJ KOMUNITI ZON SARAWAK BAGI SESI PENGAJIAN JUN 2020

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah berbincang dengan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak dan memutuskan bahawa pendaftaran pelajar baru dan *senior* secara bersempena bagi sesi pengajian Jun 2020 ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian. Senarai Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak adalah seperti berikut:

- i. Politeknik Kuching Sarawak
- ii. Politeknik Mukah Sarawak
- iii. Politeknik Metro Betong Sarawak
- iv. Kolej Komuniti Kuching
- v. Kolej Komuniti Mas Gading
- vi. Kolej Komuniti Santubong
- vii. Kolej Komuniti Betong
- viii. Kolej Komuniti Sarikei
- ix. Kolej Komuniti Miri

3. LAPORAN SARINGAN

A. COVID-19 ILI *Sentinel Clinic* (*Started epid 16*)

Sehingga hari ini, sebanyak 22 buah fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak telah mengambil sebanyak **1,483 sampel** bagi ujian COVID-19 di kalangan kes ILI, bermula April hingga Julai 2020 (Minggu epid 30). Daripada jumlah tersebut satu (1) sampel positif telah dikesan di Sibu (0.06%) pada bulan April 2020, manakala 1482 sampel adalah negatif.

B. Random POE (*Started epid 26*)

Sebanyak **1,338 sampel** telah diambil secara rawak di pintu masuk utama Sarawak. Daripada jumlah sampel tersebut, 3 adalah positif, 1,207 sampel negatif manakala 128 sampel masih menunggu ujian makmal.

C. Total Teachers Screened

Sebanyak 2,445 sampel telah diambil di kalangan cikgu dan ahli keluarga mereka yang pulang ke Sarawak. Daripada jumlah tersebut, dua (2) sampel adalah positif dan 2,443 sampel negatif.

D. Survelan Market

No	Bahagian	Pasar	Jumlah Sampel Diambil rT-PCR	Sampel Positif	Sampel Negatif	Menunggu Ujian Makmal
1	Sibu	Penjaja Market Sibujaya	18	0	18	0

2	Sibu	Central Market	95	0	95	0
3	Kuching	Stutong Market	556	7	549	0
4	Kuching	Medan Niaga Satok	229	0	0	229
Jumlah	4		898	7	662	229

E. Random on Construction

Ujian saringan secara rawak telah dilakukan di 133 buah tapak pembinaan, meliputi Bahagian Kota Samarahan (7), Serian (3), Sri Aman (4), Betong (6), Sarikei (4), Sibu (3), Kapit (4), Mukah (11), Bintulu (33), Miri (58). Daripada jumlah tersebut, 1,226 sampel telah diambil, meliputi 897 sampel di kalangan warganegara Malaysia dan 329 sampel di kalangan Pendatang Asing Dengan Izin. Hasil saringan mendapati 1,192 sampel adalah negatif dan 34 (24 Malaysian dan 10 PADI) sampel masih menunggu ujian makmal.

F. Random on Plantation

Manakala saringan secara rawak telah dijalankan di 13 buah kawasan ladang yang meliputi Lundu (7), Sri Aman (3) dan Betong (3). Sebanyak 121 sampel telah diambil, melibatkan 63 warganegara Malaysia dan 58 Pendatang Asing Dengan Izin. Sebanyak 113 sampel adalah negatif manakala 8 sampel dari ladang Betong masih menunggu keputusan.

4. PUSAT KUARANTIN

JPBN telah mengenalpasti beberapa buah hotel untuk menempatkan *Person Under Surveillance* (PUS) dan Pusat Latihan Awam untuk menempatkan *Person Under Investigation* (PUI). Kemudahan-kemudahan asas seperti Wi-Fi, makan minum, kebersihan dan keselamatan akan ditingkatkan.

Kemudahan di Pusat Kuarantin yang sedia ada iaitu Institut Perubatan Awam di Kota Sentosa juga akan dinaiktaraf.

5. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **36 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Kuching (25), Mukah (6), Miri (4) dan Sarikei (1).

6. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian topeng muka di tempat awam.

Hari ini sebanyak **1,879 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (370), Restoran (403), Kilang (16), Bank (136), Pejabat Kerajaan (55), Penjaja (45), Pasar Tani/Awam (94), Tempat Ibadah (77), Tempat Riadah (56), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (610).

Seramai **626 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (334), ATM (42), RELA (126), APM (89), PBT (33) dan Lain-lain agensi (2).

7. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,263** jumlah kenderaan telah diperiksa.

8. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

P: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

27 JULAI 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	650	Kes sedang dirawat di hospital	68	10.46%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	63,888	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	650	Jumlah kes kematian	19	2.92%
IR per 100,000 penduduk	21.07	Kes telah sembuh dan discaj	563	86.62%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	14		11	Kumulatif
Menunggu keputusan	1		8,906	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	63	0	4	0	1	68	
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19	
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	476	33	23	31	0	563
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	0	19	

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	11	5,783	0	397	0	336	0	12	49	52
2	Bau	0	161	0	6	0	5	0	0	1	1
3	Samarahan	0	539	0	111	0	94	0	4	13	13
Jumlah		11	6483	0	514	0	435	0	16	63	66

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	3
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	240	0	2	0	1	0	0	1	1
8	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	0	806	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	0	185	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	0	39	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	2,423	0	136	0	128	0	3	5	4

Jumlah Besar	11	8,906	0	650	0	563	0	19	68	70
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	Kluster Kuching Conference		0	191	22 June, 2020		
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020 15 May, 2020 10 June, 2020 12 May, 2020 26 May, 2020 12 May, 2020 3 June, 2020 3 June, 2020	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	Sporadik				15 May, 2020		
	i) Betong	6			2 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			6 June, 2020		
	iii) Serian	1			12 May, 2020		
	iv) Kuching	9			18 April, 2020		
	v) Bintulu	2			24 May, 2020		
	vi) Miri	8			13 April, 2020		
	vii) Mukah	2			26 May, 2020		
	viii) Limbang	2					
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020		
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020		
5	Kluster Kidurong		0	8	19 July, 2020		
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	22 July, 2020		
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		0	4	Active		
8	Kluster Mambong		0	5	Active		
9	Kluster Jupiter		0	3	Active		
10	Kluster Pusat Perubatan Kuching		0	3	Active		
11	Kluster Pasar Stutong		0	7	Active		
12	Kluster Jeti		0	2	Active		
13	Kluster Sentosa		0	21	Active		
14	Kluster PUI Melbourne		0	2	Active		
15	Kluster Syarikat Pembinaan Kuching		0	2	Active		
16	Kluster-kluster kecil		0	63	-		
17	Sporadik kes		0	53	-		
18	Kes import dari luar negara		0	33	-		
19	Masih dalam siasatan dan kes baru		0	2	-		
Jumlah			0	650			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **76 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **640 orang**.

Manakala seramai **19,159 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (379)	Harbour View	108
2		Riverside (Astana Wing)	160
3		Hock Lee	111
4	Miri (98)	Eastwood Valley	46
5		Meritz	52
6	Bintulu (38)	Wasan Inn	20
7		Motel Kapok	16
8		Faber Inn	2
9	Limbang (21)	Purnama	15
10		Mandarin (Lawas)	6
11	Sibu (104)	Premier	104
Jumlah PUS			640

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **5 lokasi di Kuching (2) dan Sibu (3)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,413 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	444
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sibu	108
6	Sarikei	99
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,413

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **26 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	10
5	MB Miri	2
6	MD Marudi	3
Jumlah		26